

# Sikap lewa jaga sungai bawa bencana

**B**ARU-BARU ini, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendedahkan bahawa sejumlah 60 tan sampah dibuang ke dalam Sungai Klang setiap hari. Ini adalah masalah pencemaran terbaru membabitkan sumber air negara kita.

Pada 1997, hanya 20.7 peratus sungai di Semenanjung dianggap bersih. Setiap hari 19,000 tan sisa beracun dibuang di tapak pelupusan sampah dan tidak kurang 70 peratus daripadanya terletak berhampiran sungai. Harus diingat, hampir kesemua sumber bekalan air minuman kita datangnya dari sungai.

Di Selangor saja, 23 daripada 27 sumber bekalan air minuman penduduk dicemari sisa buangan industri, najis binatang, logam berat dan bahan kumbahan.

Mac lalu, ada laporan mengatakan Sungai Selangor yang membekalkan air kepada kebanyakan kawasan di Lembah Klang mengalami keadaan yang hampir mati akibat pencemaran campuran bahan kimia, kumbahan dan buangan dari ladang. Bagaimanapun perkara ini mungkin tidak diketahui oleh orang ramai.

Bagaimanapun, keadaan yang teruk ini terdedah kepada umum apabila air yang berbau najis mengalir keluar dari paip kegunaan rumah penduduk Lembah Klang pada Februari lalu.

Hingga ke hari ini pihak berkuasa tidak memberikan sebarang penjelasan mengenai air yang berbau busuk itu. Sebaliknya dalam tempoh tiga hari pertama krisis itu, lima kenyataan yang bercanggah dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), menyebabkan orang ramai bertambah keliru dengan keadaan itu.

Air yang berbau busuk akibat pencemaran ammonia dalam air sungai, yang menjadi sumber bekalan air penduduk, dikatakan berpunca daripada sisa najis babi dan ladang ternakan, kilang kelapa sawit, kilang pengoksidaan dan pembocoran dari tapak pelupusan sampah.

Berikutan keadaan bekalan air mengeluarkan bau busuk itu, pihak ber-

kuasa mengumumkan satu Jawatankuasa Kabinet berhubung masalah alam sekitar akan dibentuk. Timbalan Perdana Menteri yang mengetuai jawatankuasa yang baru dibentuk ini berkata, pendekatan yang bersepadu akan dijalankan untuk menangani masalah alam sekitar.

Beliau menambah, satu tanda aras akan digunakan untuk memastikan penyelenggara bekalan air dan tapak pelupusan sampah mematuhi piawain yang ditetapkan.

Selama bertahun-tahun, beberapa pakar termasuk Ketua Pengarah JPS telah menggesa ke arah strategi pengurusan lembangan sungai yang bersepadu dan cekap demi melindungi sumber bekalan air bersih kita, hidupan dalam air, habitat semula jadi dan kawasan tadahan air tanah tinggi yang dibersihkan.

Ia perlu mengambil kira semua aspek perkembangan sosioekonomi dan pemuliharaan alam sekitar. Ini termasuk perlindungan dan peningkatan keadaan sungai, tasik, paya, pesisir pantai, sumber air bawah tanah, empangan dan laut.

Ia memerlukan pelan jangka panjang yang tersusun dan mapan, pendekatan bersepadu dan penyelarasan yang berkesan bagi semua dasar, pelan tindakan dan perundangan bagi memastikan kejayaan matlamat ini.

Bagaimanapun, daripada apa yang dapat dilihat, kini wujud strategi pengurusan yang cenderung membawa kepada krisis di mana keputusan dibuat secara ad hoc dan didorong oleh tindakan yang kurang wajar ketika mengendalikan masalah air.

Dengan keadaan negara kita yang mempunyai sumber air dan taburan hujan yang banyak, kita tidak seharusnya menghadapi masalah kekurangan air atau berpindah dari satu krisis air kepada yang berikutnya. Tetapi anehnya, kita semakin bertukar menjadi sebuah negara yang semakin kekurangan sumber air dan krisis air dijangka akan berlaku tidak lama lagi.

**SM MOHAMED IDRIS,**

*Presiden,*

*Persatuan Pengguna Pulau Pinang.*